



**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

**INSURANS INDEMNITI  
PROFESIONAL**

**KETETAPAN UMUM NO. 1/2019**

**TARIKH PENERBITAN: 18 FEBRUARI 2019**



Diterbitkan oleh  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Edisi keempat

Edisi ketiga pada 19.12.2017

Edisi kedua pada 30.07.2009

Edisi pertama pada 31.05.2006

© 2019 oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Semua hak cipta terpelihara. Ketetapan Umum ini adalah milik Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Satu salinan cetak atau elektronik boleh dibuat untuk kegunaan peribadi. Firma dan persatuan profesional dibenarkan untuk menggunakan Ketetapan Umum ini untuk tujuan latihan sahaja. Penerbitan semula secara sistemik atau berganda, pengedaran ke pelbagai lokasi melalui elektronik atau cara lain, duplikasi apa-apa bahan dalam Ketetapan Umum ini untuk bayaran atau tujuan komersil, atau pengubahsuaian kandungan Ketetapan Umum adalah dilarang sama sekali.



<b>KANDUNGAN</b>	<b>Muka surat</b>
1. Objektif	1
2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan	1
3. Tafsiran	1
4. Pengenalan	1
5. Prasyarat bagi Profesional untuk Menjalankan atau Mempraktikkan suatu Profesion	1
6. Keperluan membeli Insurans Indemniti Profesional	2
7. Layanan Cukai ke atas Premium Insurans Indemniti Profesional	3
8. Layanan Cukai ke atas Prosid Insurans dan Bayaran Ganti Rugi	5
9. Kemaskinian dan Pindaan	8
10. Penolakan Tuntutan	9

#### **KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH**

Seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk membuat Ketetapan Umum berkenaan dengan pemakaian mana-mana peruntukan dalam ACP.

Ketetapan Umum diterbitkan sebagai panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan tafsiran Ketua Pengarah berhubung peruntukan tertentu undang-undang cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketua Pengarah boleh menarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian daripada Ketetapan Umum ini melalui notis atau dengan penerbitan Ketetapan Umum yang baharu.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

**1. Objektif**

Objektif Ketetapan Umum (KU) ini adalah untuk menjelaskan -

- (i) potongan bagi premium yang dibayar untuk polisi Insurans Indemniti Profesional (IIP); dan
- (ii) layanan cukai ke atas prosid insurans yang diterima dan ganti rugi yang dibayar berkaitan dengan polisi IIP.

**2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan**

- 2.1 KU ini mengambil kira undang-undang yang berkuat kuasa pada tarikh KU ini diterbitkan.
- 2.2 Peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) yang berkaitan dengan KU ini adalah seksyen 22 dan subseksyen 33(1).

**3. Tafsiran**

Perkataan-perkataan yang digunakan dalam KU ini mempunyai maksud berikut:

- 3.1 “Orang” termasuk suatu syarikat, suatu kumpulan orang, suatu perkongsian liabiliti terhad dan suatu perbadanan tunggal.
- 3.2 “Profesion” termasuk profesion peguam, akauntan, arkitek, doktor, ahli farmasi, jurutera, juruukur atau profesion lain di mana status profesion diiktiraf oleh undang-undang bertulis atau statut di Malaysia.
- 3.3 “Profesional” bermaksud seseorang yang termasuk dalam suatu profesion di mana keahlian dalam badan profesional atau pendaftaran dengan badan yang mengawal selia profesion itu merupakan prasyarat penting untuk menjalankan atau mempraktikkan profesionnya.

**4. Pengenalan**

IIP ialah polisi insurans untuk seorang profesional yang akan melindungi dirinya daripada liabiliti atau risiko disaman atas dakwaan kecuaiian, kesilapan atau pelanggaran tugas semasa mempraktikkan profesionnya atau menjalankan perniagaannya. Insurans ini boleh melindungi kos mempertahankan dakwaan dan kos gantirugi.

**5. Prasyarat bagi Profesional untuk Menjalankan atau Mempraktikkan suatu Profesion**

- 5.1 Sekiranya seorang profesional berdaftar dengan suatu badan profesional di luar Malaysia, badan profesional tersebut hendaklah diiktiraf oleh undang-undang bertulis atau statut di Malaysia.

### Contoh 1

Matthew ialah seorang ahli farmasi yang berdaftar dengan sebuah badan profesional di Ireland iaitu Pharmaceutical Society of Ireland (PSI). PSI merupakan sebuah badan profesional yang diiktiraf oleh Lembaga Farmasi Malaysia (LFM) di bawah Akta Pendaftaran Ahli Farmasi 1951.

Matthew mempraktikkan profesionnya di Malaysia dan bertugas di WellHealth Pharmacy. Matthew tergolong dalam maksud profesional bagi KU ini.

- 5.2 Profesion tertentu memerlukan seseorang menjadi ahli kepada badan profesional yang mewakili profesion itu bagi membolehkan orang itu mengamalkan dan mengekalkan profesionnya. Contoh profesion tersebut ialah akauntan, peguam dan jurutera.

### Contoh 2

Nathan ialah seorang peguam yang menjadi ahli kepada Badan Peguam Malaysia. Beliau mempraktikkan profesionnya melalui firma guaman Nathan, Ali & Co. Nathan tergolong dalam maksud profesional bagi KU ini.

- 5.3 Walau bagaimanapun, terdapat profesion tertentu yang memerlukan seseorang itu berdaftar dengan badan korporat yang mengawal selia profesion itu yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia bagi tujuan mengamal dan mengekalkan profesionnya. Orang itu tidak diperlukan untuk menjadi ahli kepada badan profesional yang berkaitan. Contoh profesion tersebut ialah doktor perubatan, doktor pergigian dan arkitek.

### Contoh 3

Dr. Maira ialah seorang doktor yang berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia iaitu suatu badan korporat yang diperbadankan di bawah Kementerian Kesihatan. Beliau tidak menjadi ahli kepada Persatuan Perubatan Malaysia, badan profesional yang mewakili profesionnya. Pada tahun 2017 beliau memperaktikkan profesionnya sebagai seorang doktor di klinik milik beliau. Dr. Maira tergolong dalam maksud profesional bagi KU ini.

## 6. Keperluan membeli Insurans Indemniti Profesional

- 6.1 Seorang profesional, disebabkan jenis pekerjaannya, berkemungkinan terdedah kepada tindakan undang-undang kerana kecuaiannya profesional bagi sesuatu yang telah dilakukan atau yang telah diperkatakan dalam melaksanakan pekerjaannya.

#### Contoh 4

Voon, seorang akauntan telah memberi nasihat mengenai suatu urusan niaga kewangan kepada seorang pelanggan yang kemudiannya mengalami kerugian wang selepas bertindak atas nasihatnya. Pelanggan tersebut berkemungkinan memfailkan saman terhadap Voon berkenaan kerugian wang dalam transaksi tersebut dan menuntut pampasan daripadanya kerana Voon telah memberi nasihat tanpa kecermatan dan ketelitian sewajarnya.

- 6.2 Sesetengah profesion menghendaki ahlinya membeli IIP seperti dinyatakan dalam undang-undang kecil atau peraturan profesion itu. Contoh profesion tersebut ialah doktor perubatan, akauntan dan peguam.
- 6.3 Manakala bagi profesion lain secara amnya IIP dibeli sebagai satu langkah penghematan dan bukan disebabkan ianya merupakan keperluan di bawah undang-undang kecil atau peraturan profesion itu. Contoh profesion tersebut ialah jurutera dan arkitek.

### 7. Layanan Cukai ke atas Premium Insurans Indemniti Profesional

- 7.1 Seorang pengamal profesional dibenarkan potongan cukai bagi premium IIP sekiranya profesional itu menjalankan perniagaan yang berkaitan dengan profesionnya.

#### Contoh 5

Dr Steven, seorang ahli kongsi dalam perniagaan pergigian, beroperasi di klinik bersama ahli kongsinya. Beliau berdaftar dengan Majlis Pergigian Malaysia serta memiliki Sijil Amalan Tahunan. Pada tahun 2017, beliau telah membeli polisi IIP bagi melindungi dirinya daripada tindakan undang-undang yang mungkin timbul semasa menjalankan profesionnya sebagai doktor gigi.

Premium yang dibayar untuk IIP layak sebagai potongan terhadap pendapatan kasar daripada perniagaan perkongsian kerana Dr. Steven menjalankan perniagaan berkaitan dengan profesionnya.

#### Contoh 6

Ir. Lee ialah pemilik tunggal perniagaan kejuruteraan Excellent Engineering Consultancy. Pada tahun 2017, beliau membeli polisi IIP dan membayar premium berjumlah RM10,000. Beliau adalah ahli bagi *The Institution of Engineers Malaysia (IEM)*. Statut atau undang-undang kecil IEM tidak mensyaratkan ahlinya membeli polisi IIP untuk praktik sebagai profesional.

Untuk tahun taksiran 2017, premium IIP yang dibayar dibenarkan sebagai potongan terhadap pendapatan kasar daripada perniagaannya kerana beliau menjalankan perniagaan berkaitan dengan profesionnya.

- 7.2 Dalam kes di mana seorang profesional tidak mengamalkan profesionnya tetapi menjalankan perniagaan lain atau seorang profesional yang mengamalkan profesionnya tetapi terlibat dalam penggajian, maka premium yang dibayar untuk IIP tidak dibenarkan sebagai potongan terhadap pendapatan kasar daripada perniagaan atau penggajian itu.

#### **Contoh 7**

Dr. Aidil adalah seorang doktor bedah sepenuh masa yang bekerja di hospital kerajaan. Beliau berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia dan juga merupakan ahli kepada Persatuan Perubatan Malaysia. Pada tahun 2017, beliau membeli polisi IIP dan membayar premium sebanyak RM2, 400.

Premium IIP yang dibayar dalam tahun 2017 tidak layak sebagai potongan terhadap pendapatan penggajian Dr. Aidil walaupun beliau mengamalkan profesionnya. Ini kerana beliau tidak menjalankan perniagaan yang berkaitan dengan profesionnya.

#### **Contoh 8**

Felicia ialah seorang akauntan yang tidak praktik sebagai akauntan, sebaliknya menjalankan perniagaan jualan langsung sepenuh masa. Felicia membeli polisi IIP untuk mengekalkan status profesionalnya sebagai seorang akauntan.

Oleh kerana Felicia tidak menjalankan perniagaan yang berkaitan dengan profesionnya sebagai seorang akauntan, beliau tidak memenuhi syarat yang perlu bagi potongan premium IIP. Maka, premium IIP yang dibayar tidak dibenarkan potongan terhadap pendapatan kasar daripada perniagaan jualan langsungnya.

- 7.3 Premium IIP yang dilakukan oleh syarikat

Jika sesuatu badan profesional membenarkan ahlinya mengamalkan profesion dalam bentuk suatu syarikat dan IIP dibeli oleh syarikat tersebut, premium IIP yang dibayar oleh syarikat itu boleh dibenarkan potongan daripada pendapatan kasar syarikat jika ia menjalankan perniagaan yang berkaitan dengan profesion itu.

#### **Contoh 9**

Senibina Bumi Landskap Sdn Bhd (SBLSB) ialah suatu syarikat perundingan arkitek yang menyediakan perkhidmatan dan rundingan arkitek. Syarikat telah membeli IIP untuk melindungi kos ganti rugi dan mempertahankan tindakan undang-undang berhubung projek pembinaan sebuah hotel di Putrajaya.

Oleh kerana SBLSB yang menjalankan perniagaan arkitek membeli IIP berkaitan dengan profesion arkitek, premium IIP yang dibayar dibenarkan sebagai potongan terhadap pendapatan kasar daripada perniagaan syarikat itu.

#### 7.4 Premium IIP untuk lokum

Jika seorang profesional yang menjalankan tugas lokum membeli IIP, premium IIP yang dibayar tidak dibenarkan sebagai potongan daripada pendapatan lokum atau pendapatan lain. Bagi tujuan KU ini, "lokum" bermaksud seseorang yang menggantikan secara sementara tugas orang lain yang menjalankan profesion yang sama. Sebagai contoh, seorang doktor lokum boleh menggantikan doktor lain di hospital atau di klinik. Pendapatan lokum ini ditaksir sebagai pendapatan daripada penggajian.

#### Contoh 10

Dr. Merican yang menjalankan perniagaan sebagai doktor sejak tahun 2015 membeli polisi IIP bagi tujuan melindungi dirinya daripada tindakan undang-undang dalam menjalankan profesionnya sebagai doktor. Beliau membayar premium IIP sebanyak RM2,500 setiap tahun sejak tahun 2015. Mulai Januari 2017, Dr Merican juga menjalankan tugas sebagai lokum di klinik swasta lain dan membeli polisi IIP tambahan untuk tujuan perlindungan bagi tugasnya sebagai doktor lokum. Premium IIP yang dibayar berhubung dengan polisi IIP ini adalah sebanyak RM1,000 setiap tahun.

Dr. Merican layak mendapat potongan bagi premium IIP sebanyak RM2,500 yang dibayar berhubung menjalankan perniagaan berkaitan dengan profesionnya. Walau bagaimanapun, premium IIP yang dibayar sebanyak RM1,000 berhubung tugas lokum tidak dibenarkan potongan daripada pendapatan lokum atau perniagaan kerana ia tidak dibuat berhubung menjalankan perniagaan berkaitan dengan profesionnya.

### 8. Layanan Cukai ke atas Prosid Insurans dan Bayaran Ganti Rugi

8.1 Apabila seorang profesional telah dibenarkan potongan bagi premium IIP yang dibayar, sebarang prosid yang diterima berkaitan dengan IIP itu akan dikenakan cukai. Prosid ini dikenakan cukai di bawah subperenggan 22(2)(a)(ii) ACP.

8.2 Bayaran ganti rugi kepada pihak yang menuntut boleh dibuat melalui kaedah berikut:

- (i) syarikat insurans membayar prosid kepada profesional dan profesional membayar amaun itu kepada pihak yang menuntut; atau



- (ii) syarikat insurans membayar terus kepada pihak yang menuntut.

Ganti rugi yang dibayar dalam kedua-dua kaedah di atas boleh dibenarkan potongan di bawah subseksyen 33(1) ACP kerana ia dilakukan dalam perjalanan biasa perniagaan seseorang profesional yang sentiasa terdedah kepada risiko disaman oleh pelanggan atas kecuaiannya, kesilapan atau pelanggaran tugas.

### Contoh 11

Mohd Fahrin ialah seorang arkitek dan mempraktikkan profesinya dalam firma perundingan senibina, Arkitek Asyraf & Goh (AAG). AAG telah membeli polisi IIP untuk beliau sebagai perlindungan diri daripada risiko disaman. Dalam tahun 2017, pelanggan yang tidak berpuas hati memfailkan saman terhadap AAG kerana kerosakan kepada banglo yang disebabkan rekabentuk banglo yang salah oleh Mohd Fahrin. Syarikat insurans berkaitan membayar prosid berjumlah RM200,000 kepada AAG dan kemudiannya AAG membayar amaun itu sebagai ganti rugi kepada pelanggannya (pihak yang menuntut).

Prosid yang diterima oleh AAG sebanyak RM200,000 akan dikenakan cukai, manakala amaun prosid yang dibayar sebagai ganti rugi kepada pihak yang menuntut dibenarkan sebagai potongan terhadap pendapatan kasar daripada perniagaan AAG di bawah subseksyen 33(1) ACP.

### Contoh 12

Fakta adalah sama seperti di **Contoh 11** kecuali syarikat insurans membuat bayaran ganti rugi sebanyak RM200,000 secara terus kepada pihak yang menuntut.

Ganti rugi sebanyak RM200,000 yang dibayar terus kepada pihak yang menuntut dianggap telah diterima dalam akaun firma arkitek itu dan dikenakan cukai. Amaun prosid yang dibayar sebagai ganti rugi kepada pihak yang menuntut dianggap telah dibelanjakan daripada akaun firma arkitek itu dan dibenarkan sebagai potongan terhadap pendapatan kasar daripada perniagaan AAG di bawah subseksyen 33(1) ACP.

- 8.3 Seorang profesional akan menanggung kurangan ganti rugi sekiranya jumlah pampasan yang dituntut oleh pihak yang menuntut melebihi jumlah prosid yang diterima daripada pihak insurans. Amaun kurangan tersebut dibenarkan sebagai suatu potongan cukai di bawah subseksyen 33(1) ACP.

### Contoh 13

Bernard, seorang pemilik tunggal firma guaman menerima prosid berjumlah RM200,000 daripada syarikat insurans dan amaun ini tidak dapat menampung ganti rugi sebanyak RM250,000 yang perlu dibayar kepada

pelanggannya yang membuat tuntutan terhadapnya. Oleh itu, Bernard perlu menanggung sendiri RM50,000 untuk menampung kurangan bayaran ganti rugi kepada pihak yang menuntut.

Prosid berjumlah RM200,000 akan dikenakan cukai. Apabila prosid tersebut dibayar sebagai ganti rugi kepada pelanggannya, amaun tersebut akan dibenarkan sebagai potongan cukai. Ganti rugi sebanyak RM50,000 yang ditanggung oleh Bernard juga dibenarkan sebagai potongan terhadap pendapatan kasar daripada perniagaan firma guamannya di bawah subseksyen 33(1) ACP.

- 8.4 Sebarang prosid yang diterima seperti yang disebutkan di perenggan 8.1 dalam KU ini, tidak terhad kepada apa-apa perbelanjaan yang dilakukan untuk membayar ganti rugi kepada pihak yang menuntut. Ini bermaksud, amaun prosid sepenuhnya akan dikenakan cukai walaupun bayaran ganti rugi kurang daripada amaun prosid diterima.

#### Contoh 14

Ir. Jeremy ialah seorang jurutera dan mempraktikkan profesionnya dalam syarikat kejuruteraan, Premium Engineering Consultancy (PEC). PEC telah membeli polisi IIP untuk beliau sebagai perlindungan diri daripada tindakan undang-undang yang mungkin timbul semasa menjalankan profesionnya sebagai seorang jurutera.

Pada 21.11.2018, syarikat insurans membayar prosid berjumlah RM350,000 kepada PEC berhubung kecuaihan khidmat nasihat yang dilakukan oleh Ir. Jeremy dan PEC kemudiannya hanya membayar RM250,000 sebagai ganti rugi kepada pelanggannya (pihak yang menuntut).

Prosidi berjumlah RM350,000 akan dikenakan cukai sepenuhnya walaupun ganti rugi yang dibayar kepada pihak yang menuntut adalah kurang daripada prosid yang diterima. Apabila amaun ganti rugi sebanyak RM250,000 dibayar pihak yang menuntut, amaun tersebut akan dibenarkan sebagai potongan terhadap pendapatan kasar daripada perniagaan PEC di bawah subseksyen 33(1) ACP.

- 8.5 Sekiranya seorang profesional memilih untuk tidak menuntut premium IIP sebagai potongan bagi perbelanjaan di bawah subseksyen 33(1) ACP, sebarang prosid yang diterima berkaitan dengan IIP itu merupakan suatu pendapatan kasar seorang profesional yang boleh dikenakan cukai di bawah subperenggan 22(2)(a)(ii) ACP.

**Contoh 15**

Delisha seorang pemilik tunggal kepada perniagaan Megastore Pharmaceuticals [MP], adalah seorang ahli farmasi yang berdaftar dengan LFM. Beliau membayar premium IIP sebanyak RM1,200 setiap tahun sejak tahun 2016. Walau bagaimanapun, Delisha tidak menuntut perbelanjaan premium tersebut sebagai potongan terhadap pendapatan kasar daripada perniagaan MP di bawah subseksyen 33(1) ACP.

Dalam tahun 2018, pelanggan (pihak yang menuntut) yang tidak berpuas hati memfailkan saman terhadap beliau kerana kecuaiannya memberi arahan pengambilan ubat. Dos ubat terkawal adalah satu tablet sehari selama lima hari tetapi Delisha mengarahkan pihak menuntut untuk mengambil lima tablet setiap hari selama lima hari. Syarikat insurans membayar prosid berjumlah RM75,000 kepada Delisha dan kemudiannya beliau membayar amaun itu sebagai ganti rugi kepada pihak yang menuntut.

Walaupun, Delisha memilih untuk tidak menuntut premium IIP sebagai perbelanjaan di bawah subseksyen 33(1) ACP, prosid yang diterima berjumlah RM75,000 akan dikenakan cukai. Manakala, amaun prosid yang dibayar sebagai ganti rugi kepada pihak yang menuntut dibenarkan sebagai potongan terhadap pendapatan kasar daripada perniagaan MP di bawah subseksyen 33(1) ACP.

**9. Kemaskinian dan Pindaan**

		<b>Pindaan</b>	
KU ini menggantikan KU No. 8/2017 bertarikh 19.12.2017.	Kandungan KU ini telah dipinda seperti berikut:		
	Perenggan	Penerangan	
	5.1	Perenggan 5.1 merupakan tambahan penerangan dan contoh 1 baharu.	
	5.2	Perenggan 5.1 dalam KU No. 8/2017 dipinda menjadi perenggan 5.2 dan contoh 1 dipinda menjadi contoh 2.	
	5.3	Perenggan 5.2 dalam KU No. 8/2017 dipinda menjadi perenggan 5.3 dan contoh 2 dipinda menjadi contoh 3.	
	6.1	Contoh 3 dalam KU No. 8/2017 dipinda	

		menjadi Contoh 4.
	7.1	Contoh 4 dan Contoh 5 dalam KU No. 8/2017 masing-masing dipinda menjadi Contoh 5 dan Contoh 6.
	7.2	Contoh 6 dan Contoh 7 dalam KU No. 8/2017 masing-masing dipinda menjadi Contoh 7 dan Contoh 8.
	7.3	Contoh 8 dalam KU No. 8/2017 dipinda menjadi Contoh 9.
	7.4	Contoh 9 dalam KU No. 8/2017 dipinda menjadi Contoh 10.
	8.2	Contoh 10 dalam KU No. 8/2017 dipinda menjadi Contoh 11.
	8.3	Contoh 12 dalam KU No. 8/2017 dipinda menjadi Contoh 13.
	8.4	Perenggan baharu dan Contoh 14 baharu.
	8.5	Perenggan baharu dan Contoh 15 baharu.

9. **Penolakan Tuntutan**

Contoh-contoh dalam KU ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan tidak menyeluruh.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**